



KEPADA : SEMUA PELAJAR IJAZAH PERTAMA (PENUH MASA) & DIPLOMA

**HEBAHAN AKTIVITI PENDAFTARAN
KURSUS SEMASA CUTI PANJANG (KSCP), SIDANG AKADEMIK 2022/2023**

1. JADUAL AKTIVITI KSCP, SIDANG AKADEMIK 2022/2023

AKTIVITI	TARIKH
Keputusan Peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2022/2023	01/09/2023 (Jumaat) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11.00 pagi melalui portal <i>Campus Online</i> . (http://campusonline.usm.my)
Aktiviti Pendaftaran Kursus KSCP di Pusat Pengajian	29/08/2023 (Selasa) – 03/09/2023 (Ahad)
Tempoh Pengajaran & Pembelajaran	04/09/2023 (Isnin) – 17/09/2023 (Ahad)
Peperiksaan	18/09/2023 (Isnin) – 22/09/2023 (Jumaat)
Cuti	25/09/2023 (Isnin) – 15/10/2023 (Ahad)
Keputusan Peperiksaan KSCP, Sidang Akademik 2022/2023	03/10/2023 (Selasa) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11.00 pagi melalui portal <i>Campus Online</i> . (http://campusonline.usm.my)

2. SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

- Pelajar perlu menghubungi Pusat Pengajian/Pusat yang berkenaan untuk menyemak dan mendapatkan pengesahan senarai kursus yang akan ditawarkan sebelum tarikh pendaftaran kursus.
- Kursus yang telah diubahsuai ke 100% kerja kursus pada Semester Kedua, Sidang Akademik 2022/2023 tidak boleh ditawarkan sewaktu KSCP 2022/2023.

3. ASAS & SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PELAJAR MENGIKUTI KSCP

- (a) Kategori Pelajar yang boleh mendaftar KSCP ialah seperti berikut:
 - i. Pelajar tahun akhir yang perlu memenuhi unit berijazah
 - ii. Memperolehi gred Gagal (gred F) di dalam sesuatu kursus
 - iii. Memperolehi gred 'DK' (Dengan Kebenaran)
 - iv. Mendapat keputusan 'C-', 'D+', 'D', 'D-'
- (b) Pelajar yang memperolehi gred 'F*' dan 'X' **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti KSCP.

4. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KURSUS

- (a) Pelajar yang ingin mengikuti KSCP WAJIB mendaftar kursus dalam talian (*online*).
- (b) Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan Pusat Pengajian boleh membenarkan pelajar mendaftar lebih daripada unit tersebut.
- (c) Pelajar yang mengikuti KSCP tidak dibenarkan menambah ataupun menggugur kursus selepas minggu pertama.

5. PELAJAR TAHUN AKHIR

- (a) Pelajar di tahun akhir yang perlu mengikuti KSCP bagi tujuan pengijazahan perlu menghubungi segera Pusat Pengajian masing-masing supaya kursus-kursus yang perlu ditawarkan dapat dikenal pasti dengan segera.
- (b) Pelajar tahun akhir yang telah memenuhi semua syarat pengijazahan dan disahkan layak berijazah oleh Universiti selepas pertimbangan keputusan peperiksaan Semester 2, Sidang Akademik 2022/2023 adalah **TIDAK LAYAK** mengikuti KSCP.

PARA PELAJAR DIMINTA MEMATUHI TARIKH AKTIVITI KSCP SIDANG AKADEMIK 2022/2023 DAN ARAHAN YANG DINYATAKAN.

Kerjasama semua amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Unit Rekod Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftaran

No. Tel. : 04-653 2336 / 2924 / 4194 / 2925 / 3169 (Pejabat Am)
E-mel : sdrp@usm.my
Web : bpa.usm.my

Tarikh luput : 15/10/2023